



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### **Program Kesedaran Terhadap Golongan Kelainan Upaya, 'Leave No One Behind' anjuran PUSPANITA MITI**

Kuala Lumpur - Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menganjurkan Program Kesedaran terhadap Golongan Kelainan Upaya bertemakan 'Leave No One Behind' pada 20 Disember 2017 bertempat di Menara MITI. Program ini berteraskan *International Day of Persons with Disabilities* yang disambut oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan Disember setiap tahun. Ia menunjukkan komitmen PUSPANITA MITI dalam menyokong kehidupan tanpa diskriminasi dan mengangkat martabat golongan kelainan upaya di kalangan warga MITI.

Program yang dihadiri oleh 120 orang ini adalah untuk meningkatkan kesedaran peserta terhadap kepelbagaian, cabaran dan hak golongan kelainan upaya. Empat penceramah telah dijemput untuk sesi perkongsian ini iaitu dari Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Kuala Lumpur; Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Serdang dan WeCareJourney.

Program ini turut memuatkan pelbagai aktiviti tarikan seperti simulasi kerusi roda, demonstrasi penggunaan Braille dan permainan catur Braille, jualan produk kraf buatan golongan OKU jenama ProWell di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pameran dari badan NGO WeCareJourney dan Persatuan Penyakit Jarang Jumpa Malaysia.

**-TAMAT-**

**PUSPANITA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
20 Disember 2017**